

BEBAN TUGAS GURU SEKOLAH RENDAH

Abdull Sukor Shaari¹, Abd. Rahim Romle² dan Mohamad Yazi Kerya³

ABSTRAK

Beban tugas guru mencakupi dua bidang utama iaitu tugas dalam akademik secara rutin dan bermusim, serta tugas bukan akademik secara rutin dan bermusim. Sebanyak 274 guru daripada 15 buah sekolah rendah di kawasan Pusat Kegiatan Guru (PKG) Langgar di Daerah Kota Star Kedah telah terlibat sebagai sampel dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah tinjauan melui soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan SPSS Versi 13.0. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga aspek perlakuan mengajar guru iaitu Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian belum mencapai tahap sebenar tugas guru. Namun, perlakuan mengajar guru tidak terjejas walaupun bebannya meningkat. Guru-guru didapati menggunakan sebanyak 84.26 jam seminggu untuk menjalankan tugas rutin dan bermusim, iaitu sebanyak 52.40 jam (62.19 %) bagi tugas akademik dan 31.86 jam (37.81 %) bagi tugas bukan akademik. Persepsi guru juga mendapati keempat-empat kategori beban tugas adalah berat dengan petunjuk di antara 55.11 % hingga 73.72 %.

Kata Kunci: Beban Tugas, Guru, Sekolah Rendah, Akademik, Bukan Akademik

PENGENALAN

Secara tradisinya kita mengetahui bahawa tugas seorang guru ialah mengajar dan mendidik manusia, iaitu muridnya untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang dirancang berdasarkan sukanan pelajaran yang telah ditetapkan. Sebaliknya tugas guru kini lebih pelbagai. Selain daripada tugas mengajar, guru juga dibebani dengan tugas-tugas perkeranian, fasilitator, motivator, perancang, penasihat kokurikulum, pemimpin kelab, persatuan, unit beruniform, jurulatih sukan, guru data dan banyak lagi.

Mengikut Che Yaakob (1991), para guru kini telah dibebankan dengan tugas-tugas sampingan yang banyak sehingga mengurangkan tumpuan mereka kepada tugas yang utama, iaitu mengajar. Ini menyebabkan kualiti pengajaran dan pembelajaran akan turut terjejas. Jika hal ini berlarutan tanpa mendapat perhatian pihak pengurusan sekolah, sudah pasti murid-murid akan menerima musibahnya. Murid-murid akan menjadi mangsa kerana mereka sentiasa mengharapkan sesuatu yang terbaik dalam setiap pengajaran dan pembelajaran, sedangkan guru-guru tidak mempunyai cukup masa untuk menjalankan tugas pengajaran.

Selain daripada tugas akademik, guru juga terpaksa memegang pelbagai jenis jawatan lain sama ada dalam bidang bukan akademik seperti ketua panitia dan jawatankuasa panitia, hal ehwal murid seperti disiplin, kebajikan, kesihatan, rancangan makanan tambahan dan lain-lain lagi yang berkaitan dengannya. Ini belum lagi termasuk dengan tugas-tugas dalam bidang kokurikulum, iaitu sebagai guru pemimpin, guru penasihat, guru rumah sukan, jurulatih sukan dan sebagainya.

Tugas akademik terbahagi kepada dua kategori, iaitu tugas rutin (harian) dan tugas bermusim(berkala). Antara yang termasuk dalam tugas rutin (harian) ialah mengajar subjek

¹ Abdull Sukor Shaari, PhD, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.

² Abd. Rahim Romle, Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang, Universiti Utara Malaysia.

³ Mohamad Yazi Kerya, Kolej Sultan Abd. Hamid, Alor Star Kedah.

opsyen dan bukan opsyen, menyediakan rekod mengajar, membuat bahan bantu mengajar, membuat persediaan mengajar (termasuk membuat rujukan) dan memeriksa buku nota dan latihan murid. Tugas akademik bermusim pula ialah menyediakan soalan ujian bulanan dan ujian penggal, memeriksa kertas ujian murid, mengajar kelas tambahan, mengadakan mesyuarat panitia dan merekodkan markah murid.

Tugas bukan akademik juga terbahagi kepada dua kategori, iaitu tugas rutin dan tugas bermusim. Antara yang termasuk dalam tugas rutin ialah mencatat kedatangan murid, menyelia dan mencatat rekod Rancangan Makanan Tambahan (RMT), menjalankan aktiviti kokurikulum seperti kelab dan persatuan, mengemas kini rekod profil murid, memastikan kebersihan dan keceriaan kelas. Tugas bukan akademik bermusim pula termasuk menutup daftar kedatangan murid, menghubungi ibu bapa, menyediakan resit, mengurus pinjaman dan pemulangan buku teks, jurulatih sukan untuk pertandingan luar (Majlis Sukan Sekolah-Sekolah), jurulatih bagi setiap aktiviti berbentuk pertandingan, menguruskan hari sukan, menguruskan hari khas seperti sukan, kokurikulum, kantin dan penyampaian hadiah dan sebagainya.

Kajian terhadap beban tugas guru mendapati guru-guru terlibat dengan tugas-tugas bukan akademik (Rohani, 1991; Ooi, 1991; BPG, 1982). Manakala, kajian oleh Shahbudin (1986), Mohd Saudi (1998) dan Muhammad Sukri (1998) mendapati jumlah jam guru bertugas memang berat iaitu purata antara 36 jam seminggu hingga 46 jam seminggu.

Sesungguhnya lambakan tugas guru ini bukan sahaja memberi kesan kepada perlakuan mengajar guru, malah boleh memberi tekanan dan menjelaskan tahap kepuasan kerja guru. Payne dan Furnham (1987), dalam kajian mereka mendapati beban tugas guru yang tidak berkaitan dengan tugas mengajar telah menyebabkan guru-guru berasa stres, kecewa, bertindak agresif dan sentiasa berasa bimbang. Jika hal ini menyelubungi guru-guru di sekolah, mana mungkin kualiti pendidikan di negara kita akan bertambah baik?

Shahbudin (1986), dalam kajian tentang beban tugas guru mendapati seorang guru menggunakan secara purata 44.28 jam seminggu untuk menyelesaikan tugas mereka di sekolah dan rata-rata di kalangan guru terpaksa menggunakan masa di luar masa rasmi sekolah untuk menyelesaikan tugas, terutamanya bagi membuat persediaan mengajar serta memeriksa kerja-kerja pelajar.

Mohd Saudi (1998) pula, mendapati bahawa guru menggunakan sebanyak 37.02 jam seminggu bagi tugas akademik rutin dan 2.57 jam seminggu bagi tugas bermusim. Ini telah menjadikan jumlah masa untuk tugas akademik bagi seorang guru dalam seminggu ialah 39.59 jam. Manakala, bagi tugas bukan akademik secara rutin pula ialah 21.59 jam dan 3.17 jam seminggu bagi tugas bermusim dan menjadikan jumlah keseluruhan bagi tugas bukan akademik ialah sebanyak 24.62 jam seminggu. Jumlah masa keseluruhan seorang guru dalam seminggu ialah 64.21 jam dengan 61.3% (39.58 jam) digunakan untuk tugas akademik dan 38.7% (24.62 jam) untuk tugas bukan akademik. Jumlah ini sebenarnya melebihi masa rasmi sekolah, malah melebihi masa kerja bagi penjawat awam yang lainnya.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Sukri (1998), yang mendapati bahawa guru bertugas selama 36.67 jam seminggu bagi tugas akademik dan sebanyak 45.01 jam seminggu bagi tugas bukan akademik, sedangkan masa untuk tugas rasmi guru di sekolah ialah 28.35 jam seminggu. Kajian beliau itu menunjukkan bahawa tugas bukan akademik melebihi tugas akademik. Selain itu, beliau mendapati purata guru bekerja untuk sehari ialah selama 13.61 jam. Perangkaan ini membuktikan guru memberi tumpuan yang sedikit kepada perlakuan mengajar yang sebenar. Mengikut resolusi yang dipersetujui oleh Persidangan Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO, 1930), guru yang bertugas melebihi 48 jam seminggu dianggap terbebani.

Sejak akhir-akhir ini, isu beban tugas nampaknya mulai mendapat perhatian pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, pada sidang akhbar 5 Januari 2005, beliau mengatakan kerajaan akan mencari satu formula bagi mengurangkan beban tugas guru dan memperbaiki persekitaran

kerja guru. Ini bagi membolehkan guru mempunyai masa yang cukup bagi menumpukan perhatian kepada tugas teras iaitu mengajar.

Selain itu, pada sidang akhbar 7 Julai 2005, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengatakan sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk meneliti perbezaan antara jumlah waktu mengajar guru berpengalaman dengan yang tidak tahap penglibatan guru dalam kurikulum dan jenis latihan.

Walaupun banyak kajian untuk mengukur beban tugas guru dari segi jumlah masa (Shahbudin, 1986; Mohd Saudi, 1998; Muhammad Sukri, 1998) tetapi tidak banyak kajian yang berfokus kepada mengenal pasti bilangan jawatan atau tugas-tugas sampingan guru selain mengajar.

Kajian ini bertujuan untuk mengukur jumlah masa yang digunakan oleh guru untuk menjalankan tugas akademik dan bukan akademik, membuat perbandingan antara beban tugas guru dari segi akademik dan bukan akademik serta tugas rutin dan tugas bermusim, dan mengenal pasti bilangan jawatan atau tugas sampingan guru selain daripada tugas mengajar.

METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 274 orang guru yang dipilih secara rawak, iaitu 66 orang guru lelaki dan 208 orang guru wanita. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mengajar di 15 buah sekolah rendah kebangsaan di negeri Kedah. Guru-guru yang terlibat ini ialah guru kelas dan guru pusingan.

Instrumen kajian ialah soal selidik yang diubah suai daripada instrumen yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu iaitu oleh Shahbudin (1986), Mohd Saudi (1998), dan Mohd Sukri (1998). Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B, dan C. Bahagian A mengandungi item maklumat latar belakang sampel seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, guru kelas, guru pusingan dan senarai tugas-tugas sampingan selain daripada mengajar. Bahagian B mengandungi maklumat yang berkaitan dengan pembahagian masa dan kekerapan dalam tugas akademik secara rutin (5 item), tugas akademik secara bermusim (8 item), tugas bukan akademik secara bermusim (19 item), tugas bukan akademik secara rutin (10 item) dan, tanggapan guru terhadap beban tugas terdapat 4 item. Pada bahagian ini, setiap item diberi skala pilihan. Kajian rintis yang dijalankan mendapati setiap dimensi dalam borang soal selidik menunjukkan nilai Cronbach's Alpha di antara 0.66 dan 0.84.

DAPATAN KAJIAN

Jumlah Masa yang Digunakan Oleh Guru Untuk Menjalankan Tugas Akademik dan Bukan Akademik

Jumlah masa yang digunakan oleh guru untuk bertugas dibahagikan kepada empat kategori, iaitu jumlah masa untuk menjalankan tugas akademik secara rutin (harian), jumlah masa untuk menjalankan tugas akademik secara bermusim, jumlah masa untuk menjalankan tugas bukan akademik secara rutin dan tugas bukan akademik secara bermusim.

Jadual 1 menunjukkan jumlah masa yang digunakan oleh guru untuk menjalankan tugas rutin (harian). Tugas rutin guru setiap hari ialah mengajar di dalam kelas, menulis buku ringkasan mengajar, membuat rujukan, membuat bahan bantu mengajar dan memeriksa hasil kerja murid. Secara puratanya, guru-guru menggunakan sebanyak 10.21 jam sehari untuk menjalankan tugas akademik rutin.

Ini bermakna, guru-guru terpaksa membawa sebahagian daripada tugas harian guru ke rumah. Antara tugas yang kerap dibawa pulang ke rumah ialah menulis buku ringkasan dan memeriksa buku hasil kerja murid. Daripada 10.21 jam masa tersebut, guru-guru menyediakan

masa yang agak panjang, iaitu sebanyak 151.97 minit (2.53 jam) untuk memeriksa hasil kerja murid, manakala masa untuk membuat rujukan dan menyediakan bahan bantu mengajar masing-masing 96.35 minit (1.61 jam) dan 101.28 minit (1.69 jam).

Jadual 1: Jumlah masa menjalankan tugas akademik secara rutin.

Tugas	Min	Masa (minit)	Jumlah masa sebenar (minit)
Purata masa mengajar dalam sehari	3.75	150	172.67
Menulis buku ringkasan mengajar	2.00	90	90.11
Membuat rujukan dan persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran	2.21	90	96.35
Membuat bahan Bantu mengajar	2.37	90	101.28
Memeriksa sebarang hasil kerja murid	3.06	150	151.97
			612.38 (minit)
Jumlah			
Jumlah masa untuk menjalankan tugas akademik dalam sehari.			10.21 (jam)

Dalam jadual 2 pula menunjukkan bahawa guru-guru menggunakan masa selama 5.86 jam sehari untuk melaksanakan tugas bukan akademik secara rutin. Kerja-kerja bukan akademik ini lebih menjurus kepada kerja mencatat atau menulis laporan yang tidak berkaitan dengan bidang akademik. Antaranya ialah menulis laporan harian rancangan makanan tambahan, menulis laporan guru bertugas, laporan keceriaan sekolah dan sebagainya.

Jadual 2: Jumlah masa bertugas bukan akademik secara rutin

Tugas	Min	Masa (minit)	Jumlah masa sebenar (minit)
Mengambil kedatangan murid	1.12	15	16.81
Menutup rekod kedatangan murid	1.78	15	26.72
Mencatat rekod kemajuan murid	3.50	45	52.50
Mengemas kini rekod profil murid	3.60	45	54.09
Menulis catatan rancangan makanan tambahan	1.72	15	25.84
Menulis buku laporan harian kebersihan kantin	1.66	15	24.96
Menulis laporan guru bertugas harian	2.00	30	30.05
Menulis laporan harian menu kantin	1.60	15	24.09
Menulis laporan aktiviti kokurikulum	2.20	30	33.00
Menjalankan aktiviti kokurikulum	4.22	60	63.39

Jumlah	351.45 (minit)
Jumlah masa untuk menjalankan tugas secara rutin (harian)	5.86 (jam)

Bagi tugas akademik bermusim pula, guru-guru menggunakan masa selama 54.18 jam setahun. Jadual 3 menunjukkan bahawa masa untuk menjalankan tugas akademik secara bermusim ialah 1.35 jam dalam seminggu. Ini setelah mengambil kira secara purata daripada 54.18 jam setahun dibahagikan dengan tempoh 40 minggu persekolahan.

Guru-guru mengambil masa yang panjang bagi memeriksa skrip jawapan ujian bulanan murid, iaitu 622.17 minit atau 10.37 jam dalam kekerapan 3.7 kali setahun, manakala untuk memeriksa skrip jawapan ujian penggal murid pula ialah 443.09 minit atau 7.38 jam bagi dua penggal persekolahan. Selain itu, guru juga mengambil masa yang agak panjang bagi mencatatkan setiap markah murid di dalam buku ringkasan dan buku rekod kemajuan murid, iaitu 487.85 minit atau 8.13 jam setahun dengan kekerapan sebanyak 4.37 kali.

Jadual 3: Jumlah masa menjalankan tugas akademik secara bermusim

Tugas	Masa (minit)	Min Masa	Jumlah masa sebenar (minit)	Min Kekerapan dalam setahun	Jumlah masa dalam setahun
Memeriksa skrip jawapan ujian bulanan	150	3.55	166.64	3.73	622.17
Memeriksa skrip jawapan ujian penggal	150	3.66	170.04	2.60	443.09
Mencatat markah murid di dalam buku ringkasan dan buku pelaporan murid.	90	2.71	111.57	4.37	487.85
Menghadiri mesyuarat panitia	90	2.80	114.20	3.49	398.87
Menyediakan minit mesyuarat panitia	90	2.86	115.95	3.04	353.35
Menghadiri mesyuarat kurikulum	90	2.87	116.17	2.96	344.70
Menyediakan minit mesyuarat kurikulum	90	2.62	108.83	2.24	243.88
Mengajar kelas tambahan	90	2.57	107.30	3.32	357.15
Jumlah					3251.06 (minit)
Jumlah masa untuk menjalankan tugas dalam setahun					54.18 (jam)
Purata jumlah masa yang digunakan untuk menjalankan tugas dalam seminggu persekolahan					1.35 (jam)

Jadual 4 menunjukkan jumlah masa yang digunakan oleh guru-guru untuk menjalankan tugas bukan akademik secara bermusim. Dengan merujuk kepada jadual tersebut, didapati guru-guru menggunakan masa secara purata selama 2.56 jam seminggu untuk menjalankan tugas bukan akademik secara bermusim. Dapatan ini setelah mengambil kira secara purata daripada 102.58 jam setahun dibahagikan dengan 40 minggu persekolahan.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, didapati empat jenis tugas yang mengambil masa lebih panjang berbanding tugas-tugas lain, iaitu mengadakan latihan rumah sukan (571.15 minit= 9.52 jam), melatih murid untuk sesuatu pertandingan koakademik (569.63 minit= 9.49 jam), melatih murid dalam sesuatu bidang sukan untuk pertandingan luar (531.24 minit= 8.85 jam), dan menghadiri mesyuarat staf (506.06 minit= 8.43 jam).

Jadual 4: Jumlah masa untuk menjalankan tugas bukan akademik secara bermusim

Tugas	Masa (minit)	Min Masa	Jumlah masa sebenar (minit)	Min Kekerapan dalam setahun	Jumlah masa dalam setahun
Menghadiri mesyuarat persediaan hari kokurikulum	90	2.63	108.94	1.71	186.86
Menghadiri mesyuarat rumah sukan	90	2.38	101.50	1.73	175.95
Menghadiri mesyuarat hari sukan sekolah	90	2.62	108.61	2.02	219.99
Menghadiri mesyuarat induk kokurikulum	90	2.67	110.15	1.86	205.02
Menghadiri mesyuarat induk hal ehwal murid	90	2.74	112.45	1.88	211.77
Menghadiri mesyuarat J/kuasa kokurikulum mengikut bidang yg dipegang	90	2.45	103.58	2.17	225.68
Menghadiri mesyuarat J/kuasa hal ehwal murid mengikut bidang yg dipegang	90	2.39	101.72	2.13	318.89
Menghadiri mesyuarat hari ucapan	90	2.67	110.36	1.95	215.89
Menyediakan laporan mesyuarat jawatankuasa yg berkaitan dengan bidang kokurikulum	90	2.37	101.39	2.01	204.26
Menyediakan laporan mesyuarat jawatankuasa yg berkaitan dengan bidang hal ehwal murid	90	2.41	102.59	2.02	207.43
Melatih murid dalam sesuatu bidang sukan untuk pertandingan luar	150	3.36	160.84	3.30	531.24
Melatih murid untuk sesuatu pertandingan koakademik	150	3.55	166.75	3.41	569.63
Menjalankan aktiviti hari sukan	150	3.66	169.82	2.77	471.03
Menjalankan aktiviti hari kokurikulum	150	3.66	169.82	2.18	371.87
Menghadiri kursus dalaman	150	3.51	165.55	2.25	372.78
Mengadakan latihan rumah sukan	150	3.30	159.20	3.58	571.15
Menghadiri mesyuarat staf	150	3.30	159.20	3.17	506.06

Mengadakan perjumpaan dengan waris	150	3.08	152.52	1.92	293.91
Mengutip yuran dan mengeluarkan resit	90	2.98	119.67	2.47	295.68
Jumlah					6155.09 (minit)
Jumlah masa yang digunakan untuk menjalankan tugas bukan akademik secara bermusim dalam setahun					102.58 (jam)
Purata jumlah masa yang untuk menjalankan tugas bukan akademik dalam seminggu					2.56 (jam)

Perbezaan Antara Beban Tugas Akademik Dengan Beban Tugas Bukan Akademik

Jadual 5 menunjukkan tugas akademik secara rutin masih mendominasi tugas guru dengan masa 51.05 jam seminggu atau 60.59%. Tugas akademik secara bermusim pula ialah 1.35 jam seminggu (1.60%). Bagi tugas bukan akademik secara rutin pula sebanyak 34.77 jam (34.77%) telah diperuntukkan oleh guru dan 2.56 jam atau 2.04% lagi digunakan oleh guru-guru untuk melaksanakan tugas bukan akademik secara bermusim.

Secara keseluruhannya, guru telah menggunakan sebanyak 84.26 jam seminggu untuk menjalankan tugas atau tanggungjawab mereka sebagai pendidik. Daripada jumlah itu, guru-guru menggunakan masa sebanyak 52.40 jam atau 62.19% seminggu untuk menjalankan tugas akademik berbanding dengan tugas bukan akademik telah mencatatkan sebanyak 31.86 jam (37.81%) dalam seminggu untuk melaksanakan tugas bukan akademik.

Jadual 5: Beban tugas guru keseluruhan

Jenis Tugas	Masa dalam seminggu (jam)	Peratus
Menjalankan tugas akademik secara rutin (harian)	51.05	60.59
Menjalankan tugas akademik secara bermusim	1.35	1.60
Menjalankan tugas bukan akademik secara rutin (harian)	29.30	34.77
Menjalankan tugas bukan akademik secara bermusim	2.56	3.04
Jumlah	84.26	100.00

Bilangan Jawatan Dan Tugas Sampingan Guru

Secara puratanya setiap seorang guru telah memegang hampir lapan jawatan yang meliputi bidang kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum dan tugas-tugas sampingan yang lain. Jadual 6 menunjukkan sebanyak 7.9 bilangan jawatan yang dipegang secara purata oleh setiap seorang guru. Daripada jumlah itu, sebanyak 2.5 bilangan jawatan (31.95%) dipegang oleh seorang guru dalam bidang kurikulum. Dalam bidang hal ehwal murid pula, puratanya sebanyak 1.65 (20.68%) jawatan yang dipertanggungjawabkan kepada setiap seorang guru dan sebanyak 3.12 (36.10%) jawatan pula dipegang dalam bidang kokurikulum. Bagi tugas-tugas lain pula, secara puratanya setiap seorang guru memegang 0.66 (8.27%) jawatan yang terdapat di sekolah.

Jadual 6: Bilangan jawatan yang dipegang

Bidang	Jumlah Responden	Bilangan Jawatan Yang Dipegang	Purata Jawatan Yang Dipegang	Peratus Purata Jawatan Yang Dipegang
Kurikulum	274	700	2.55	31.95
Hal Ehwal Murid	274	451	1.65	20.68
Kokurikulum	274	856	3.12	39.10
Tugas-tugas Lain	274	181	0.66	8.27
Jumlah	274	2188	7.98	100.0

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa guru menggunakan masa yang banyak untuk memberi perkhidmatan sebagai pendidik, iaitu 10.21 jam sehari bagi menjalankan tugas akademik secara rutin. Tempoh masa itu memberi gambaran bahawa guru terpaksa membawa balik sebahagian tugasnya di rumah. Ini adalah disebabkan masa bekerja di sekolah hanya lima jam sehari. Kerja-kerja yang biasanya dibawa pulang ke rumah ialah menulis ringkasan mengajar, menyediakan bahan bantu mengajar dan memeriksa hasil kerja murid setiap hari.

Dapatan dalam kajian ini menunjukkan secara puratanya guru-guru menggunakan sebanyak 172.67 minit (2.88 jam) sehari untuk bersama murid-murid di dalam kelas. Baki 2.2 jam lagi termasuk masa rehat terpaksa digunakan untuk menyelesaikan tugas akademik yang lain seperti memeriksa hasil kerja murid, menulis ringkasan dan membuat rujukan. Jika masa ini diguna sepenuhnya, bermakna guru-guru bekerja tanpa rehat. Sebenarnya adalah agak mustahil seseorang itu boleh bekerja tanpa berehat. Sebagai manusia biasa, guru-guru juga perlu masa untuk berehat seketika setelah penat mengajar. Ini adalah disebabkan tugas mengajar memerlukan penggunaan minda dan tenaga yang banyak. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru terpaksa bercakap, berdiri, berjalan, berinteraksi dan berkomunikasi dengan murid setiap masa.

Selain tugas akademik secara rutin, guru-guru juga berhadapan dengan tanggungjawab terhadap tugas bukan akademik setiap hari, terutamanya guru kelas yang terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian dan tugas sampingan yang lain. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru mengambil masa 5.86 jam sehari untuk menjalankan tugas bukan akademik secara rutin. Ini bermakna jumlah masa keseluruhan bagi tugas rutin (harian) adalah 16.07 jam. Jumlah masa ini mungkin tidak munasabah. Ini adalah kemungkinan besar berlaku pertindihan masa kerja. Sebagai contoh, guru terpaksa menggunakan masa mengajar untuk membuat kerja-kerja bukan akademik seperti menulis laporan kegiatan kokurikulum, mencatat laporan kebersihan kelas dan sekolah, menanda kedatangan murid, mengutip yuran dan mencatat pelbagai jenis laporan aktiviti sekolah.

Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru menggunakan sebanyak 54.18 jam setahun untuk menjalankan tugas akademik bermusim seperti menghadiri mesyuarat panitia, memeriksa skrip jawapan murid dalam peperiksaan bulanan dan penggal, menyediakan minit mesyuarat penitia serta mengadakan kelas tambahan. Secara puratanya guru-guru menggunakan sebanyak 1.35 jam seminggu untuk melaksanakan tugas-tugas akademik bermusim.

Bagi tugas bukan akademik secara bermusim pula, didapati guru-guru telah menggunakan sebanyak 102.58 jam setahun persekolahan atau secara puratanya sebanyak 2.56 jam seminggu. Dapatan kajian menunjukkan tugas-tugas ini tidak memberi banyak impak kepada tugas sebenar guru kerana ia berlaku secara bermusim. Namun demikian, beban tugas guru mampu

dikurangkan sekiranya mereka kurang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dan hal ehwal murid.

Secara keseluruhannya, didapati guru-guru ini menggunakan masa sebanyak 84.26 jam dalam tempoh seminggu bekerja untuk menjalankan tugas akademik dan bukan akademik. Jumlah masa ini adalah melebih had masa maksimum seorang guru dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah, iaitu 1440 minit (24 jam) seminggu. Dapatkan ini adalah melebihi dapatan kajian oleh Muhammad Sukri (1998) yang mendapati guru-guru menggunakan sebanyak 81.68 jam seminggu untuk melaksanakan kedua-dua bidang tugas. Mohd Saudi (1998) pula mendapati jumlah masa bagi guru menjalankan tugas akademik dan bukan akademik dalam tempoh seminggu ialah 64.21 jam. Jika dibandingkan dengan dapatan pengkaji terdahulu, jelas kajian ini menunjukkan beban tugas guru semakin bertambah dalam tempoh tidak sampai sepuluh tahun. Malah, masa tersebut melebihi masa bekerja penjawat awam dalam profesion yang lain yang bekerja hanya lebih kurang 46 jam seminggu.

Sebaliknya, dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru menggunakan sebanyak 52.40 jam seminggu untuk menjalankan tugas akademik dan 31.86 jam seminggu untuk menjalankan tugas bukan akademik. Ini bermakna guru-guru memperuntukkan hanya 62.19 % masa kerja untuk tujuan akademik dan 37.18% untuk melaksanakan tugas bukan akademik. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Mohd Saudi (1998) yang mendapati guru-guru memperuntukkan sebanyak 61.3% untuk menjalankan tugas berkaitan akademik dan 38.7% tugas bukan akademik. Dapatkan ini menunjukkan bahawa banyak masa diberikan oleh guru untuk tugas-tugas bukan akademik, sedangkan tugas utama mereka adalah mengajar.

Dalam hal ini, sebanyak 37.18% masa yang digunakan untuk tujuan bukan akademik dapat dikurangkan, sekiranya aktiviti-aktiviti sampingan itu boleh diserap dalam pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti sampingan kebanyakannya untuk membentuk sahsiah dan akhlak murid melalui kegiatan kokurikulum dan hal ehwal murid. Namun begitu, kegiatan tersebut boleh dimasukkan dan sememangnya terdapat dalam sukan pelajaran bagi setiap mata pelajaran yang diajar. Inilah yang dikatakan pendidikan merentasi kurikulum.

Persoalan tentang bilangan jawatan yang terpaksa dipegang oleh guru juga merupakan perkara yang seharusnya dilihat dengan serius. Dalam kajian ini terdapat guru-guru yang memegang lebih daripada 12 jawatan selain daripada mengajar. Namun demikian, hasil analisis mendapati secara purata guru-guru memegang hampir lapan jawatan yang merangkumi tugas hal ehwal kurikulum seperti ketua panitia dan setiausaha panitia, tugas hal ehwal murid seperti jawatankuasa kantin, keselamatan, kebajikan dan sebagainya, serta tugas-tugas dalam kegiatan kokurikulum. Tugas dalam aktiviti kokurikulum yang paling banyak dipegang oleh guru. Seorang guru mesti sekurang-kurangnya memegang dua jawatan dalam kegiatan tersebut, iaitu guru penasihat kelab, persatuan atau badan beruniform. Ini tidak termasuk dengan tugas sebagai guru penasihat rumah sukan.

Secara puratanya, setiap seorang guru dalam kajian ini memegang sekurang-kurang dua jawatan dalam setiap bahagian kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum. Ini bermakna tugas sampingan ini adalah banyak di samping tugas mengajar. Oleh sebab itu, terdapat rungutan guru-guru tidak dapat menyiapkan minit-minit mesyuarat dan sebarang laporan bagi setiap program yang dipertanggungjawab. Guru-guru yang dilambakkan dengan pelbagai tugas ini sangat berpotensi untuk menghadapi stress.

IMPLIKASI

Tugas guru kini sememangnya diketahui sangat berat. Walaupun tugas tersebut tidak menjelaskan perlakuan mengajar guru, namun adalah dikhawatiri tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan pendidikan akan menurun jika tidak ditangani dengan segera. Berdasarkan dapatan dalam kajian, beberapa tindakan yang mungkin boleh diterima pakai untuk menambah baik perlakuan mengajar guru dan perkhidmatan pendidikan secara amnya ialah pihak

Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengkaji semula nisbah 1.5 dengan bilangan bilik darjah untuk menempatkan bilangan guru di sesebuah sekolah. Jika nisbah ini tidak ditambah bermakna guru-guru akan tetap dengan kuantiti yang ada. Sedangkan keadaan sedia ada telah menyebabkan guru-guru terpaksa bekerja dengan masa yang sudah melebihi jam bekerja yang sebenar yang diperuntukkan di dalam jadual waktu sekolah. Dalam erti kata lain, pihak kementerian perlu menambah pengambilan guru bagi memastikan guru-guru sentiasa mencukupi dan penempatan dapat memenuhi keperluan sekolah.

Formula bilangan murid di dalam sesebuah bilik darjah tidak melebihi 50 orang perlu dikaji semula. Bilangan murid yang ramai boleh menjelaskan prestasi guru kerana tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran akan terjejas. Malah guru-guru terpaksa memeriksa dan menyemak hasil kerja murid yang ramai. Ini sudah tentu akan mengambil masa yang lama bagi guru-guru untuk memeriksa dan menyemak hasil kerja murid. Pihak kementerian Pelajaran Malaysia, mungkin boleh mengkaji semula tentang syarat bilangan murid di dalam sesebuah bilik darjah supaya memberi had maksimumnya kepada 40 orang sahaja. Jika ini boleh dilaksanakan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih baik kerana guru boleh mengawal aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan fokus dapat diberikan untuk mengesan setiap kelemahan dan kemajuan murid. Kelas-kelas yang perlu mempunyai kurang murid ialah kelas bagi tahap 1, terutama bagi kelas tahun 1. Ini adalah perlu kerana murid-murid tahun 1 masih berada pada peringkat asas pembelajaran.

Ekoran beban tugas yang semakin bertambah, pihak Kementerian Pelajaran juga diharap dapat menyediakan perjawatan awam yang baru bagi menjalankan tugas kokurikulum seperti jurulatih sukan, persatuan, kelab dan unit beruniform. Langkah ini didapati sangat wajar kerana urusan kokurikulum dapat ditadbir secara berasingan di bawah tanggungjawab penolong kanan kokurikulum. Ini dapat mengurangkan tugas guru dan membolehkan guru memberi lebih tumpuan kepada akademik. Kementerian Pelajaran Malaysia mungkin boleh melihat contoh pentadbiran pusat pengajian tinggi awam yang mengasingkan unit kokurikulum dan hal ehwal pelajaran dengan pengajian (kurikulum). Perjawatan bagi bahagian tersebut dipegang oleh penjawat awam bukan guru.

Sekiranya untuk mewujudkan perjawatan menjadi beban kepada kerajaan, memadai guru-guru yang sedia ada yang menjalankan tugas sampingan ini diberi elaun tambahan. Sebagai contoh, elaun mungkin boleh dipertimbangkan kepada guru-guru yang menjalankan tugas jurulatih sukan, menjalankan aktiviti persatuan, kelab dan badan beruniform. Adalah wajar sekiranya guru juga diberi pertimbangan untuk mendapat elaun tugas lebih masa kerana guru sebenarnya bukan sekadar mengajar di dalam kelas, tetapi juga terpaksa menjalankan aktiviti di luar sekolah seperti perkhemahan yang memakan masa lebih sehari dan bukan pada hari bekerja. Malah ada juga guru yang terpaksa mengajar kelas tambahan tanpa bayaran, jika ada pun hanya atas ehsan PIBG yang tidak setimpal dengan tugas.

Pihak pengurusan sekolah diharap lebih teliti dan peka terhadap pengagihan tugas agar setiap seorang guru mendapat tugas yang seimbang tanpa mengeneppikan tugas utama, iaitu mengajar. Selain itu, pihak pengurusan sekolah termasuk guru-guru penolong kanan seharusnya memimpin dan membantu guru-guru penolong agar mereka dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan berkesan. Sebaliknya jangan terlalu menekan dan mendesak guru-guru dengan meminta laporan-laporan kokurikulum, hal ehwal murid dan sebagainya yang berkaitan. Pendekatan yang lebih fleksibel dan mesra kerja perlu diamalkan agar guru-guru tidak berasa stress dan hilang kepuasan bekerja. Elakkan daripada guru-guru beranggapan bekerja hanya untuk mencari makan.

Pemimpin dan pengurusan sekolah, pejabat pelajaran daerah dan jabatan pelajaran negeri perlu membuat perancangan yang rapi agar tidak berlaku pertindihan kalendar aktiviti murid. Ini adalah penting kerana setiap program yang melibatkan murid dengan sendirinya akan melibatkan guru-guru. Guru Besar dan guru penolong kanan perlu lebih kerap mengikuti dan bersama guru dalam setiap aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran. Cara ini dapat memberi keyakinan kepada guru bahawa pihak pengurusan sekolah juga sentiasa mengambil berat tentang mereka.

Malah Guru Besar seharusnya bertindak sebagai pemimpin, pembimbing, kaunselor dan rakan sekerja di sekolah. Jika ini diabaikan, mungkin akan berlakunya jurang yang ketara antara pengurusan dengan guru-guru penolong. Guru-guru yang terputus hubungan dengan pihak pengurusan akan berasa diri mereka terabai dan tahap motivasi mereka juga akan menurun.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar guru-guru menganggap beban tugas guru sama ada secara rutin mahu pun bermusim adalah berat. Guru-guru terpaksa menyediakan masa kerja yang banyak untuk melaksanakan tugas mereka. Malah, sebahagian daripada tugas mereka terpaksa dibawa pulang ke rumah untuk disiapkan. Ini menunjukkan bahawa beban tugas guru melebihi tugas penjawat awam dalam profesi lain. Ekoran lambakan tugas ini, didapati perlakuan mengajar guru tidak mencapai tahap yang baik seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi memastikan kualiti pendidikan di negara kita tidak terjejas, kajian seterusnya perlu dilakukan supaya guru dapat memberi fokus kepada kerja utama mereka, iaitu mengajar. Kajian-kajian selanjutnya perlu dibuat dengan lebih teliti dan mendalam agar dapatannya lebih bermakna kepada profesion perguruan.

RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Guru (1982). *The philosophy of teacher education in Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Bakhtiar Mansor (1993). *Perguruan: Satu perspektif perkembangan kerjaya*. Jurnal Pengurusan Pendidikan 3, IAB, Kementerian Pendidikan Malaysia. Percetakan Nasional Bhd.
- Che Yaacob Che Ahmad (1996). *Punca ketegangan guru matematik sekolah rendah di Kelantan*. Tesis Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Dodd, W.A. (1979). *Guru dengan tugasnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Formula kurang beban kerja guru dikaji. (2005, Januari 5). Utusan Malaysia.
- ‘Guru terbeban’ bertugas 74 jam seminggu. (2005, Julai 7). Utusan Malaysia.
- Guru tidak lagi dibebani urusan pentadbiran (2005, Februari 28). *Utusan Malaysia*
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). *Laporan jawatankuasa kabinet: Mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saudi Abdul Rahman (1998). *Beban tugas di kalangan guru sekolah menengah*. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Muhammad Sukri Salleh (1998). *Beban tugas di kalangan guru-guru sekolah rendah*. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob (1990). *Guru dan perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ooi Hon Bu (1991). *Satu kajian mengenai jenis tugas dan beban tugas guru di empat buah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Payne, M.A. & Furnham, A. (1987). Dimensions of educational stress in West Indian secondary school teachers. *British Journal of Educational Psychology*, 57, 141-150.
- Rohani Awang Chik (1991). *Beban tugas guru dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Disertasi M. Ed. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Sekaran, U. (2003). Research Method for business: A skill building approach (4th Edition). New York: John Wiley & Sons, Inc.

Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah 12-14 Februari 2006
Alson Klana Resort, Seremban

- Shahbudin Ngah (1986). *Satu kajian mengenai tugas guru di dua buah sekolah menengah di daerah Muar, Johor.* Disertasi Sarjana Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Wood, S. E., Green, E, & Boyd, D. (2004). *Mastering the world of psychology.* New York: Ally & Bacon.